



Jabatan Bendahari

Rujukan Tuan :

Rujukan Kami : UPSI/BEN/B/527/2020 (03)

Tarikh : 17 DISEMBER 2020  
02 J'AWAL 1442

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**PEKELILING BENDAHARI BIL.3/2020 – GARIS PANDUAN PENGECUALIAN CUKAI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke 132 Bil.6/2020 bertarikh 9 Disember 2020 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Pengecualian Cukai Universiti Pendidikan Sultan Idris.
3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan, tujuan garis panduan ini diwujudkan adalah untuk menerangkan :-
  - 3.1 panduan permohonan pengecualian cukai di bawah subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi terimaan wang dalam bentuk sumbangan/hadiah/derma.
  - 3.2 panduan permohonan insentif pengecualian cukai di bawah Seksyen 34A, 34B dan Subseksyen 34(7) bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan UPSI.
  - 3.3 inisiatif dan kriteria pengecualian cukai kepada pemberi sumbangan dan dana selaras dengan dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
4. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Pengecualian Cukai Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk rujukan dan tindakan iaitu :-
  - 4.1 Garis Panduan Permohonan Pengecualian Cukai Bagi Terimaan Wang Sumbangan/Hadiah/Derma Di Bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967- **Lampiran 1.**

4.2 Garis Panduan Permohonan Pengecualian Cukai Bagi Aktiviti Penyelidikan Dan Pembangunan Yang Layak di bawah Seksyen 34A, 34B dan Subseksyen 34(7) –  
**Lampiran 2.**

5. Pemakaian pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh kelulusan Mesyuarat LPU tersebut.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN. HJ. MOHAMED C.A. (M), ASEAN CPA)**  
Bendahari  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k Yg. Bhg. Dato Naib Canselor